



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



POLIGAMI DI PERLIS: SATU TINJAUAN

POLIGAMY IN PERLIS: A REVIEW

Noor Salwani Hussin^{1*}, Shuhairimi Abdullah², Noriha Basir³, Adi Anuar Azmin⁴, Azizah Abdullah⁵,
Wan Norhaizar Harun⁶

- ¹ Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: noorsalwani@unimap.edu.my
 - ² Centre of Excellence for Social Innovation & Sustainability (CoESIS), Cluster of Human Wellbeing & Gender Equality, Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: shuhairimi@unimap.edu.my
 - ³ Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: noriha@unimap.edu.my
 - ⁴ Jabatan Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: adianuar@unimap.edu.my
 - ⁵ Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: azizahabdullah@unimap.edu.my
 - ⁶ Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Blok B, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi, 02600, Jalan Arau-Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: haizar@unimap.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024
Revised date: 13.05.2024
Accepted date: 15.06.2024
Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Hussin, N. S., Abdullah, S., Basir, N., Azmin, A. A., Abdullah, A., & Harun, W. N. (2024). Poligami Di Perlis: Satu Tinjauan. *International Journal of*

Abstrak:

Poligami merupakan perkahwinan yang melebihi seorang isteri. Ketentuan istilah ini mempunyai kontradiksi dengan maksud perkahwinan secara monogami. Perkahwinan secara poligami yang absah menurut syara` juga boleh bertukar kepada poligami tanpa kebenaran, disebabkan oleh penolakan permohonan poligami secara rasmi di mahkamah Syariah. Dalam kehidupan masyarakat hari ini, poligami menjadi suatu isu hangat yang boleh memberi pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, sudah pastilah terdapat faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya poligami. Penulisan ini bertujuan untuk mengupas faktor-faktor berlakunya poligami di negara ini, khususnya di negeri Perlis. Metodologi penulisan kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dan dianalisis berdasarkan kepada analisis kandungan. Secara umumnya, peningkatan kes-kes poligami di negeri Perlis

Law, Government and Communication, 9 (36), 345-355.

DOI: 10.35631/IJLGC.936025

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dari semasa ke semasa menyumbang kepada persepsi yang negatif daripada masyarakat kerana negeri ini merupakan sebuah negeri yang kecil berbanding dengan negeri-negeri lain. Oleh itu sewajarnya dikupas apakah faktor yang mendorong berlakunya kes poligami di negeri ini supaya ianya boleh memberi lebih kefahaman kepada masyarakat?

Kata Kunci:

Poligami, Faktor Dalaman Dan Luaran, Negeri Perlis

Abstract:

Marriage with a number of spouses is called polygamy. The meaning of this phrase runs against to the idea of monogamous marriage. Because a polygamous application in Shariah courts is officially rejected, polygamous marriages that are forbidden by Sharia law may also spontaneously become polygamous without authorization. Polygamy has emerged as a contentious topic in today's culture that elicits strong feelings from people. Nevertheless, there have to be causes for polygamy to occur. This article seeks to shed light on the aspects of polygamy in this nation, particularly in the state of Perlis. Both content analysis and qualitative approaches are used to analyse this paper writing process. Since Perlis is a small state in comparison to other states, an increase in polygamy cases occasionally adds to a bad image regarding the state's society. Therefore, in order to better understand the community, it is important to identify what the factors contributing to the incidence of polygamy instances in this nation's society?

Keyword:

Polygamy, Internal And External Factors, Perlis State

Pendahuluan

Poligami merupakan suatu isu yang selalu menjadi perhatian dan perbualan dalam masyarakat dari dahulu hingga sekarang. Malah, sekarang ini ianya seolah-olah menjadi trend apabila banyak kes-kes poligami yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara. Pada hakikat sebenarnya, poligami bukanlah suatu tindakan yang salah di sisi agama Islam, jika ianya dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan landasan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Walau bagaimanapun, perkara ini menjadi salah di sisi hukum syarak, apabila ianya dilaksanakan berdasarkan kepentingan peribadi pihak-pihak tertentu, yang akhirnya memberi kesulitan kepada golongan wanita. Isu poligami ini juga sering dikaitkan dengan keburukan poligami, yang mana ia merujuk kepada poligami yang tidak berjaya. Ini berlaku apabila poligami yang diamalkan tidak mengikut panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Jika dilihat kepada pendaftaran kes-kes poligami di mahkamah Syariah di seluruh negara khususnya di negeri Perlis, jumlahnya meningkat dari semasa ke semasa, sehinggalah berlakunya pandemik Covid-19 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Keadaan yang berlaku menyebabkan ramai di kalangan pasangan yang ingin berpoligami menghadapi masalah untuk berpoligami diluar negara, kerana pergerakan terhalang dan pintu sempadan negeri ditutup. Sehubungan itu, Perlis telah mencatatkan sifar kes sepanjang 2 tahun PKP dilaksanakan. Ini kerana, pihak terlibat dengan pernikahan di Selatan Thailand yang menjadi tumpuan rakyat Malaysia dari seluruh negara untuk bernikah di negara jiran, juga tidak membenarkan upacara nikah dijalankan secara dalam talian. Sejak 2010 atau 11 tahun lalu, jumlah pasangan dari negara ini berkahwin di Thailand yang didaftarkan di Perlis ialah

sebanyak 1,825 pasangan dengan purata kira-kira 182 pasangan pada setiap tahun. (Noor Salwani, 2020) Poligami merupakan antara faktor utama mereka memilih berkahwin di Thailand, iaitu sebanyak 70 peratus manakala 30 peratus lagi, berdasarkan kepada faktor-faktor lain.

Definisi Poligami

Poligami dari sudut bahasa adalah menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Mengikut kamus dewan, poligami bererti amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama. Dalam bahasa arab, poligami disebut Ta'addad al zawjat. Asal perkataan ta'addad bererti bilangan, manakala perkataan al zawjat diambil daripada perkataan al zawjah yang bererti isteri. Dua perkataan tersebut apabila digabungkan membawa erti isteri yang banyak atau berbilang-bilang. Maka poligami bolehlah dimaksudkan sebagai berkahwin lebih daripada seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang membawa erti berkahwin dengan seorang wanita sahaja. Ia juga berlawanan dengan perkataan poliandri iaitu amalan bersuami lebih daripada seorang dalam satu-satu masa (Raihanah Abdullah, 2021).

Poligami juga diertikan sebagai seorang lelaki berkahwin dengan lebih dari seorang perempuan tetapi tidak melebihi dari empat. Keharusan poligami adalah berasaskan kepada dalil daripada firman Allah SWT:

Maksudnya : kahwinlah kamu wanita yang kamu senangi dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut (bimbang) tidak berlaku adil (diantara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.
(al-Nisa', 4:3)

Allah SWT memerintahkan supaya membataskan seorang isteri sahaja, apabila seseorang bimbang akan melakukan kezaliman dan tidak dapat berlaku adil antara para isteri. Berdasarkan dalil ini, boleh difahami bahawa kalaulah poligami tidak dibolehkan nescaya Allah tidak menyebut demikian. Allah tidak menyebut sesuatu di dalam al-Quran dengan secara sia-sia. Dengan itu jelas ayat tersebut mempunyai tujuan tertentu iaitu pengharusan poligami. Walau bagaimanapun, ianya mestilah dilaksanakan dengan mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan, supaya tidak berlaku penganiayaan terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Dalam antropologi sosial, poligami (dari bahasa Greek, ertinya perkahwinan banyak) merujuk kepada perkahwinan di mana seseorang itu berkahwin dengan beberapa orang sekaligus. Biasanya suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri. Ia merupakan lawan kepada monogami. Walau bagaimanapun, dalam agama Islam berpoligami itu mempunyai batasan yang tertentu iaitu sehingga empat orang isteri sahaja.

Dari segi hukum pula, asal hukum poligami ini adalah harus, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah An-Nisaa' ayat 3:

Maksudnya : Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Ayat di atas membenarkan orang-orang Islam berpoligami dalam bentuk perkahwinan lebih daripada seorang. Walau bagaimanapun, dalam beberapa situasi hukum asalnya boleh berubah menjadi hukum lain seperti berikut:

Sunat apabila seseorang suami memerlukan kepada isteri lain, sekiranya isteri yang ada tidak mampu menjaga kehormatan diri atau isteri pertama sakit atau mandul. Sedangkan suami terlalu inginkan anak dan zuriat dari keturunannya. Dalam masa yang sama, suami itu yakin dapat berlaku adil dalam kalangan isteri-isterinya.

Makruh, jika seseorang berpoligami dengan tujuan untuk berseronok-seronok semata-mata atau seseorang tidak mampu untuk berlaku adil ke atas para isteri. Maka dalam keadaan tersebut, tidak ada keperluan untuk berpoligami. Ini kerana, poligami yang diamalkan itu bakal mengundang kemudharatan kepada isteri-isteri disebabkan kegagalan memberikan keadilan kepada para isteri.

Haram, jika seseorang meyakini tidak dapat berlaku adil dalam kalangan isteri-isterinya. Ini kerana kelemahan atau kegagalan mengawal perasaan untuk berlaku adil atau menyebabkan kemiskinan. Keadaan ini jelas akan memudharatkan orang lain (Jakim, Nov 2005).

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini dijalankan secara kualitatif yang merujuk kepada kajian kes. Data dikutip berdasarkan kepada temu bual dan analisis kandungan fail-fail kes yang terlibat di antara tahun 2020 dan tahun 2021 yang telah selesai. Temubual melibatkan Pendaftar Mahkamah Syariah Perlis. Data yang dikumpul dan didapati diproses melalui perisian Nvivo. Penggunaan perisian ini adalah bertujuan untuk memudahkan para penyelidik untuk mentafsir dan menganalisis data secara sistematik.

Hikmah Poligami

Sejak akhir-akhir ini, banyak kes poligami yang dilaksanakan dalam masyarakat, malah ianya juga seolah-olah menjadi satu trend apabila kes poligami ini banyak di kongsikan dalam media-media sosial melibatkan selebriti dan juga orang-orang ternama. Dalam peruntukkan Islam, poligami merupakan perkara yang jarang berlaku dan ianya bercorak pengecualian. Ia tidak dilakukan kecuali ketika betul-betul memerlukan dan ia tidak diwajibkan oleh syara', malah syari'ah juga tidak menggalakkan jika tidak dapat berlaku adil diantara isteri-isteri, serta berlakunya unsur-unsur pengabaian dan penganiayaan terhadap pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, poligami tetap mempunyai hikmah tertentu dalam pensyariaan Islam (Basri, 2022). Hikmah tersebut sudah tentu mempunyai motif yang sangat tinggi, yang mempunyai hubungan rapat dengan kepentingan umum dan khusus. Antara sebab-sebab umum yang boleh dilihat seperti berikut:

Poligami adalah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan lelaki, manakala perempuan pula melebihi bilangan lelaki sama ada dalam situasi biasa, atau dalam keadaan selepas peperangan dan sebagainya. Dalam keadaan biasa boleh dilihat contoh sebagaimana yang berlaku di negara-negara Barat seperti di Utara Eropah. Melalui statistik yang dikeluarkan di Finland menunjukkan setiap empat kanak-kanak yang dilahirkan, tiga daripadanya adalah perempuan. Dalam situasi sebegini, poligami merupakan sesuatu perkara yang wajar diamalkan. Selain itu, ia juga disebabkan oleh kesan peperangan seperti yang berlaku di Jerman selepas Perang Dunia Pertama. Selepas peperangan tersebut, nisbah lelaki dan wanita adalah 4:1 atau 6:1. Dalam situasi seperti di atas, sistem poligami telah menjadi satu keperluan sosial

dan akhlak yang dituntut oleh maslahat dan kasihan belas. Ia juga untuk memelihara wanita daripada menyeleweng dan penyakit-penyakit berbahaya serta dapat bertindak dalam membentuk kehidupan rumah tangga yang membolehkan seorang perempuan memperoleh kepercayaan sebagai satu cara untuk mengelakkan daripada berpelesenan mencari teman, poster-poster yang diletakkan di Kawasan lalu lintas yang mengiklankan perkhidmatan tidak bermoral (Wahbah az-Zuhaili et. al, 2019).

Antara sebab umum juga adalah keperluan kepada pertambahan keturunan untuk melibatkan diri dalam peperangan dan juga sebagai bantuan dalam pekerjaan seperti sektor pertanian, perindustrian dan sebagainya.

Keperluan sosial untuk mewujudkan kaum kerabat dan hubungan persaudaraan untuk mengembangkan dakwah Islam, seperti yang berlaku kepada Nabi Muhammad SAW. Baginda telah melakukan poligami dengan Sembilan isteri selepas usia 54 tahun, kerana bertujuan menyebarkan dakwahnya serta memperoleh penolong-penolong terhadap agama Allah, yangmana ketika itu masih baru. Baginda hanya beristeri seorang sahaja iaitu Khadijah RA sebelum usianya melebihi 54 tahun. (Wahbah az-Zuhaili et. al., 2019)

Sehubungan itu, hikmah poligami juga boleh dilihat dari sudut sebab-sebab khusus seperti berikut:

Isteri mandul serta tidak mampu melahirkan zuriat keturunan. Suami pula tidak mempunyai jalan lain kecuali salah daripada dua perkara iaitu menceraikan isteri pertama yang mandul, atau berkahwin dengan isteri yang baru. Dalam keadaan ini, poligami boleh membantu menjaga keharmonian dalam rumahtangga dan memberi isteri pertama bantuan dalam mengendalikan tanggungjawab dalam rumah tangga.

Sekiranya berlaku perselisihan keluarga antara suami dengan kaum keluarga isterinya ataupun dengan isterinya sendiri. Keadaan ini akan menyebabkan jalan penyelesaian menjadi rumit kerana kedua-dua belah pihak saling bertegang. Dalam hal ini, pilihan yang ada hanyalah sama ada perpisahan yang akan menghancurluluhkan perasaan perempuan selama-lamanya, ataupun suami terpaksa bersabar dalam beberapa ketika. Ini memerlukan akhlak yang tinggi, hikmah dan akal yang terbuka. Oleh itu, sikap yang kedua iaitu dengan mengekalkan isteri dalam kawalan suaminya Bersama seorang isteri yang lain adalah lebih meringankan daripada melakukan talaq yang merupakan perkara halal yang paling benci Allah SWT (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2022).

Suami mempunyai kekuatan seks yang luar biasa. Tidak cukup baginya hanya dengan seorang isteri sahaja sama ada isterinya telah tua atau lemah atau banyak melalui hari-hari yang menghalangnya untuk bersama dengan suami. Dalam situasi ini, suami mempunyai dua pilihan sama ada melepaskan syahwatnya dengan jalan haram atau dengan berkahwin lain. Tidak syak lagi orang-orang yang mempunyai akhlak yang baik akan memilih jalan perkahwinan dari memilih jalan yang haram (Ahmad Ibrahim, 2019).

Poligami di Perlis

Poligami di negeri Perlis, seperti di seluruh Malaysia, adalah sah di bawah undang-undang tetapi dengan syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi. Undang-undang Poligami di Malaysia membenarkan seorang lelaki untuk berkahwin sehingga dengan empat wanita pada satu-satu masa, tetapi setiap perkahwinan tambahan memerlukan kebenaran dari mahkamah. Kebenaran

ini tidak diberikan secara automatik dan perlu dibuat permohonan rasmi yang diberikan pada budi bicara hakim.

Di Perlis juga, terdapat beberapa kes poligami yang telah mendapat liputan media dalam beberapa tahun terakhir. Contohnya, pada tahun 2020, seorang peniaga diberi kebenaran untuk berkahwin dengan isteri kedua setelah membuat permohonan ke mahkamah. Keputusan ini telah menjadi kontroversi di kalangan orang ramai dan juga dalam kalangan beberapa badan wanita.

Berdasarkan kajian yang dibuat di Mahkamah Syariah Perlis, poligami merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada berlaku kes perkahwinan tanpa kebenaran. Kes ini banyak berlaku, apabila pasangan yang ingin berpoligami perlu berhadapan dengan prosedur yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, pasangan yang ingin melaksanakan poligami perlu melalui beberapa prosedur yang dianggap rumit seperti proses permohonan poligami yang mengambil masa yang agak lama, permohonan poligami yang ditolak oleh mahkamah serta pihak lelaki yang ingin menyorokkan perkahwinan kerana tidak mendapat izin daripada pihak isteri pertama ataupun isteri-isteri yang lain (Noraini Mohd Hashim, 2021).

Oleh itu, sebagai jalan penyelesaian, mereka telah melaksanakan poligami di luar negara, yang mana ianya tidak memerlukan sebarang prosedur atau proses undang-undang. Sebagai contoh kes 09001-010-0348-2006, iaitu pasangan yang berkahwin di Wilayah Songkla Thailand. Dalam kes ini, pemohon pertama iaitu suami telah mempunyai seorang isteri dan berkahwin dengan seorang perempuan warganegara Thailand sebagai isteri kedua. Kedua-dua pasangan ini mengambil keputusan berkahwin di wilayah Songkla kerana prosesnya yang mudah dan juga untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri pertama. Mahkamah telah memutuskan bahawa pasangan ini bersalah dari segi Undang-undang kerana telah melanggar Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2003 dan dikenakan penalti apabila ingin mendaftarkan perkahwinan mereka. (Fail kes mahkamah Syariah Perlis, 2020)

Sebenarnya, undang-undang dan prosedur yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Keluarga Islam di Malaysia adalah bertujuan untuk melancarkan lagi proses pendaftaran nikah poligami. Ini adalah sebagai bukti telah berlaku perkahwinan agar tidak timbul permasalahan pada masa akan datang. Ada sesetengah golongan mengambil jalan mudah berpoligami dengan membelakangkan enakmen dan undang-undang disebabkan oleh faktor-faktor peribadi seperti ditakuti tidak mendapat keizinan daripada isteri pertama, bimbang dengan reaksi anak-anak, dan yang paling utama adalah mereka bimbang permohonan berpoligami yang dihantar ke Mahkamah Syariah tidak diluluskan.

Poligami tanpa kebenaran juga boleh berlaku disebabkan oleh penolakan permohonan poligami secara rasmi di Mahkamah Syariah, sedangkan pemohon tetap menyimpan niat untuk berpoligami. Pada kebiasaannya, mahkamah akan menolak permohonan yang dikemukakan oleh pemohon disebabkan oleh permohonan tersebut tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Contohnya seperti tidak layak, tidak berkemampuan dan juga tidak menepati syarat-syarat lain yang ditetapkan. Sebagai jalan penyelesaian, tindakan berpoligami secara rahsia dan tanpa kebenaran telah dipilih dengan melangsungkan pernikahan di luar negara seperti di Thailand. Dari sudut hukum syarak, perkahwinan ini sah jika menepati syarat-syaratnya. Akan tetapi ia tetap dipandang salah di sisi undang-undang sekiranya ia tidak didaftarkan. (Noor Salwani, 2020)

Di samping itu, poligami tanpa kebenaran boleh berpunca daripada keretakan rumahtangga di antara suami isteri kerana sebab-sebab tertentu seperti tiada persefahaman dan juga kehadiran orang ketiga. Keadaan ini akan berterusan sekiranya tidak cuba ditangani segera oleh pihak-pihak yang terlibat. Tambahan lagi, jika jalan perceraian dilihat tidak mampu menjernihkan hubungan suami isteri, ini mendorong pihak suami menggunakan keharusan untuk berpoligami sebagai jalan keluar kepada permasalahan yang timbul. Namun begitu, ada juga dikalangan pasangan yang tidak mengambil jalan perceraian sebagai jalan keluar dalam krisis rumahtangga atas alasan seperti kasihan pada anak-anak, malu untuk berdepan dengan keluarga dan sebagainya. Akhirnya, mereka memilih untuk berpoligami sebagai jalan terbaik. (Noor Salwani, 2020)

Bagi memastikan kemudahan poligami yang diharuskan oleh Islam tidak disalahgunakan, dan juga untuk memastikan matlamat poligami itu tercapai, Undang-undang Kekeluargaan Islam telah memperuntukkan beberapa syarat untuk berpoligami.. Peruntukkan ini terkandung dalam enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006, iaitu dalam seksyen 23 (5) melibatkan (a), (b), (c) dan (d) iaitu: (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

- (a) *Bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandangkan kepada hal-hal keadaan berikut iaitu kemandulan, kezuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.*
- (b) *Bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh hukum syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya, berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu.*
- (c) *Bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak hukum syarak.*
- (d) *Bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan dharar syari'e kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.*

Dapatan Kajian Faktor-Faktor Poligami di Perlis

Dalam kajian yang dilakukan, Perlis merupakan salah satu negeri yang mengumpulkan bilangan kes poligami yang agak tinggi, jika dibandingkan dengan keadaan negerinya yang kecil berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kebanyakan kes adalah poligami tanpa kebenaran, yang mana poligami yang dilaksanakan tidak mendapat kebenaran daripada pihak mahkamah Syariah. Walaupun negeri Perlis mewar-warkan keterbukaannya dalam soal amalan berpoligami, akan tetapi prosedur poligami di negeri itu dikawal rapi oleh pihak mahkamah syariah, sebelum poligami dibenarkan.

Memetik tulisan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 5 Januari 2021, Mufti Perlis dalam temubual bersama akhbar tersebut, menegaskan bahawa tidak ada 'scam poligami' di negeri Perlis. Menurut beliau juga tidak ada jalan pintas untuk berpoligami di Perlis seperti yang didakwa oleh segelintir pihak. Menurut beliau lagi, Poligami adalah perkara yang halal dan tidak salah di sisi undang-undang asalkan ianya mengikut undang-undang yang telah

ditetapkan serta tidak menganiaya pihak-pihak tertentu. Mereka yang ingin berpoligami perlu mencukupi rukun dan syarat nikah yang ditetapkan. Jika pemohon mencukupi syarat dan kesemua rukun nikah yang lengkap telah dipenuhi, maka perkahwinan poligami itu adalah sah. (Nor Shahzura, 2021)

Pasangan yang berhasrat bernikah di Thailand atas faktor poligami boleh 'menghalalkan' hubungan tersebut di negeri Perlis tanpa perlu ke negara jiran. Sebagai rekod, Perlis merupakan satu-satunya negeri yang syaratnya tidak memerlukan persetujuan isteri pertama untuk bernikah. Beberapa faktor yang mungkin mempengaruhi berlakunya poligami di Perlis antara lain seperti berikut: (Noor Salwani, 2020)

Di negeri Perlis, seperti kebanyakan negeri di Malaysia majoriti penduduknya beragama Islam. Dalam Islam, poligami adalah dibolehkan dengan syarat-syarat tertentu, seperti adil dalam memberikan nafkah dan perhatian kepada setiap isteri. Dalam hal ini, sebelum berpoligami, pemohon perlu membuat pengakuan untuk berlaku adil di antara isteri-isteri serta sanggup membayar nafkah dengan secukupnya kepada isteri dan anak-anak. Pengakuan ini mesti disokong oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi dan dipersetujui oleh bakal isteri kedua dan walinya. Setelah itu, mahkamah akan membuat pertimbangan sewajarnya dan akan membuat keputusan sama ada meluluskan permohonan tersebut ataupun sebaliknya.

Sehubungan itu, antara faktor lain yang mempengaruhi poligami di Perlis ini boleh dilihat dari sudut budaya dan tradisi. Faktor ini juga boleh mempengaruhi keputusan seseorang untuk melakukan poligami. Dalam beberapa kelompok masyarakat, poligami dianggap sebagai norma atau tradisi, dan dapat dilakukan untuk mempertahankan keturunan atau mengukuhkan kedudukan dalam masyarakat. Terdapat beberapa kes, yang boleh dikategorikan sebagai pengaruh luar, yang mana kecenderungan untuk berpoligami itu hasil daripada pengaruh rakan-rakan terutamanya rakan sekerja dan keadaan sekeliling. Cabaran daripada rakan-rakan sekerja juga boleh mempengaruhi pemikiran seseorang itu untuk berpoligami.

Polemik yang berlaku dalam keluarga juga boleh menjadi faktor kepada berlakunya poligami. Terdapat beberapa kes poligami berlaku disebabkan oleh faktor kesuburan. Dalam beberapa kes yang didaftarkan, poligami dilaksanakan adalah kerana masalah kesuburan yang dialami oleh isteri pertama. Demi mengelakkan berlaku perceraian, maka pasangan memilih untuk berpoligami, untuk mendapatkan zuriat dalam keluarga. Dalam keadaan ini, poligami dapat memberi peluang kepada suami untuk memiliki keturunan dan memperluas keluarga mereka. Walau bagaimanapun, suami haruslah berlaku adil kepada isteri pertama yang berkorban jiwa dan raga membenarkan suami berpoligami.

Faktor ekonomi juga dapat mempengaruhi keputusan seseorang untuk melakukan poligami. Dalam situasi ini seorang lelaki memiliki sumber kekayaan dan ekonomi yang kukuh untuk memenuhi keperluan keluarga dan memberikan perhatian yang cukup kepada isteri-isterinya. Pertimbangan dilakukan oleh kedua belah pihak suami dan isteri pertama, yang mana poligami sebagai cara untuk memperkuat ikatan keluarga dan meningkatkan ekonomi. Namun begitu penting harus diingat bahawa poligami juga membawa risiko dan cabaran yang tertentu. Dalam hal ini, persetujuan dan emosi anak-anak juga harus diambil kira supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak dingini. Oleh itu, keputusan untuk melakukan poligami perlu dipertimbangkan secara matang dan diambil dengan kesedaran dan tanggung jawab yang sewajarnya oleh semua pihak.

Manakala campur tangan daripada keluarga juga menjadi punca poligami berlaku. Dalam beberapa kes yang didaftarkan, terdapat kes poligami yang berlaku disebabkan oleh pihak keluarga terutamanya ibu bapa lelaki tidak bersetuju dengan pilihan anaknya. Dalam masa yang sama mereka mempunyai calon lain untuk dijadikan menantu dalam keluarga mereka. Oleh itu, poligami merupakan cara terbaik untuk menyelesaikan kemelut yang berlaku. Walau bagaimanapun, kes-kes seperti ini boleh dikategorikan sebagai kes-kes terencil, yang mana ianya jarang-jarang berlaku.

Faktor yang sangat relevan berlakunya banyak kes poligami di negeri Perlis ini adalah disebabkan oleh negeri ini bersempadan dengan negara jiran seperti wilayah Songkla, Yala, Pattani dan lain-lain. Berdasarkan rekod pendaftaran, kebanyakan pasangan berkahwin kali kedua di wilayah-wilayah tersebut, untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri pertama. Sehubungan itu, poligami yang dilaksanakan di negara jiran adalah lebih mudah dari segi prosedur pelaksanaannya. Akses yang mudah untuk ke negara jiran yang hanya melalui jalan darat sahaja, memudahkan lagi pasangan-pasangan yang ingin berpoligami, melaksanakan poligami di sana. Hal ini juga berlaku kerana negeri Perlis adalah satu-satunya negeri yang tidak meletakkan syarat keizinan isteri pertama jika ingin berpoligami, memadai hanya dimaklumkan sahaja, namun permohonan perlu dibuat melalui mahkamah bagi menilai beberapa faktor seperti sebab untuk berpoligami, kemampuan memberi nafkah dan lain-lain lagi.

Hal ini termaktub melalui peraturan ditetapkan dalam Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam 2006 (Pindaan 2008) yang diwartakan, iaitu Seksyen 23 (1):

‘Tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain.’

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, walau dimana pun berlakunya polemik poligami di Malaysia ini, ianya berpunca daripada ketidakfahaman masyarakat tentang konsep dan falsafah poligami sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam. Bahkan di dalam media massa seperti rancangan drama di televisyen, bual bicara serta dokumentari banyak menonjolkan poligami sebagai suatu yang sinis dan kurang diterima oleh masyarakat khususnya kaum wanita.. Hal ini jelas apabila kita sering melihat kebanyakan rancangan di televisyen seperti drama-drama yang mengisahkan serte mengutara hal poligami, mereka hanya membincangkan mengenai hal “berkongsi kasih” dan “ketidakadilan suami yang berpoligami”. Antara sebab ketara berlakunya ketidak fahaman dan juga prejudis terhadap amalan berpoligami ini adalah kebanyakan lelaki yang melakukan poligami tidak berlaku adil dan melakukan kezaliman terhadap isteri mereka. Kezaliman yang dilakukan seperti tidak memberi nafkah yang secukupnya dan mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak. Selain itu, isu yang di hadapan juga adalah nasib isteri dan anak-anak yang ditinggalkan disebabkan poligami. Seharusnya peranan media massa perlu diperbaiki serta melihat kebaikan dari sudut prinsip poligami yang dianjurkan Islam. Namun kita semua tidak menolak bahawa sememangnya poligami yang berlaku di Malaysia kebanyakannya tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam al-Quran dan Hadis serta apa yang diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Atas sebab-sebab untuk berpoligami yang kadangkala tidak munasabah menyebabkan ramai yang cuba mempersoalkan poligami. Punca konflik poligami

samada di Malaysia mahupun di mana-mana jua sebenarnya bertolak dari penghayatan tentang amalan keadilan dalam berpoligami.

Ketidakhahaman tentang konsep keadilan dalam berpoligami dan juga keengganan suami untuk berlaku adil menyebabkan konflik poligami ini berlarutan sehingga menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat. Apa yang pasti terdapat pengakuan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bahawa mereka tidak menyekat dan menentang poligami sebaliknya mahukan pentadbiran berhubung soal poligami ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Selagi berlaku penyelewengan dan kezaliman akibat dari berpoligami, maka selagi itulah isu ini tidak akan habis dibincangkan. Keadaan ini agak berbeza dengan pandangan yang mengatakan bahawa isu poligami di negeri Perlis dan juga di negeri-negeri lain ini ialah isu remeh-temeh. Ia dilihat sebagai isu yang biasa kerana banyak kes-kes poligami didaftarkan di mahkamah Syariah, tanpa melihat kesan yang terjadi terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Kezaliman dan ketidakadilan daripada berpoligami bukanlah kerana sistem tersebut tetapi kerana masyarakat yang gagal untuk menghayatinya. Daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa undang-undang dan penguatkuasaannya walau bagaimana cekap sekalipun tidak akan dapat menjawab pelbagai persoalan tentang penyalahgunaan poligami. Pendidikan sering dikatakan sebagai salah satu cara penyelesaian kepada masalah tersebut. Tetapi setakat ini tidak ada sebarang bukti yang kukuh yang menyokong kenyataan tersebut poligami ini biasanya berlaku dikalangan golongan yang berpendidikan. Pemahaman mengenai poligami perlu diterapkan kepada masyarakat sebagai cara mengatasi masalah pihak isteri pertama tidak mendapat pembelaan dan hak yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa apa juga alasan untuk berpoligami, ianya perlu dilaksanakan dengan jalan yang betul. Selain itu ia juga haruslah tidak bertentangan dengan agama mahupun undang-undang. Ini kerana, jika dilaksanakan tanpa mengikut peruntukan yang telah ditetapkan, pasangan tersebut akan menghadapi risiko yang besar kerana poligami itu lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Selain itu, penting juga untuk diingat bahawa poligami adalah satu isu yang sensitif dan kompleks, kerana pandangan tentang isu ini berbeza-beza di kalangan masyarakat. Namun, adalah penting bagi semua pihak untuk memahami undang-undang dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam melakukan poligami, serta menghormati pandangan dan keputusan individu dalam perkara ini.

Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT, dengan limpah dan kurniaNya. Selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat serta sahabat baginda, dapat saya menyiapkan penulisan artikel ini. Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis kerana memberi peluang dan ruang kepada saya dan rakan-rakan untuk menghasilkan penulisan ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama dalam penulisan artikel ini. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah saya hargai. Sekian, terima kasih.

Rujukan

- Ahmad Mohamed Ibrahim. (2019). Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Basri Ibrahim. (2022). Fiqh Sunnah Berdasarkan Mazhab al-Imam al-Syafie. Selangor: Grup Buku Karang kraf Sdn. Bhd.
- Enakmen 7. Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 2006.
[http:// www.jaips.perlis.gov.my](http://www.jaips.perlis.gov.my).
<http://www.islam.gov.my/e-rujukan>.
<https://jised.com/PDF/JISED-2023-53-06-28.pdf>
<https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/741-hukum-poligami-tanpa-izin-isteri>
<https://www.hmetro.com.my/addin/2023/01/925553/syarak-syarat-poligami>
- Kamus Dewan. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Salwani Hussin. (2020). Perkahwinan tanpa Kebenaran: Kajian terhadap Kes-kes di Mahkamah Syariah negeri Perlis dari Tahun 2020 hingga 2021. [Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia].
- Noraini Mohd Hashim. (2021). Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan. Dalam Najibah Mohd Zin. Undang-undang Keluarga (Islam) Jilid 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norshahzura Mat Zuki. (9 April, 2021). Tiada Jalan Pintas berpoligami di Perlis: Ketua Hakim Syarie. Sinar Harian (Edisi Utara)
- Wahbah al-Zuhaili. Terj. Syed Ahmad Syed Hussain et al. (2019) Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid VII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [www. Esyariah.gov.my/portal/page/portal](http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal) E-syariah Bm/ portal E-syariah Direktori Mahkamah/ portal E-syariah Direktori Perlis.
- [www.oocities. Org/wmperlis/bm/carta.htm](http://www.oocities.Org/wmperlis/bm/carta.htm).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2022). Irsyad Al- Fatwa. Jilid 3. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.